

14/01/1999

Tengku Razaleigh dakwa dirinya tidak layak

KOTA BHARU, Rabu - Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, berpendapat beliau tidak mempunyai kelayakan sewajarnya untuk dipertimbangkan menyandang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Bagaimanapun beliau mengakui tidak akan menolak tanggungjawab itu jika keadaan memerlukannya untuk kembali memimpin Umno Kelantan seperti yang pernah dilakukannya selama beberapa tahun sehingga 1984.

"Kelayakan yang sering digunakan untuk menjadi Pengerusi (Badan Perhubungan Umno negeri) ialah seseorang itu perlu menjadi menteri besar, menteri atau timbalan menteri sedangkan saya tidak mempunyai kelayakan itu.

"Rasanya tidak perlulah pertimbangkan saya kerana ketika saya berunding dengan Perdana Menteri untuk menyatukan ahli (bekas Parti Melayu Semangat 46) dalam Umno (1996), kita tidak letak sebarang syarat.

"Orang lain lebih layak daripada saya dan terpulanglah kepada Presiden Umno, saya tidak dapat terima jawatan itu kerana tiada kelayakan tetapi saya juga tidak akan menolak," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa dekat sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas spekulasi yang timbul kebelakangan ini, khususnya yang mengaitkan namanya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berikutan ada ura-ura penyandang jawatan yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhasrat melepaskan jawatan itu.

Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang berkata, ahli biasa Umno seperti dirinya masih boleh membantu dan menyumbang terhadap kemajuan parti tanpa perlu menyandang sebarang jawatan utama.

Menurutnya, beliau juga tidak mempunyai rancangan untuk menawarkan diri mengisi kekosongan jawatan Timbalan Presiden Umno walaupun banyak pihak, termasuk menteri, timbalan menteri dan ketua bahagian memintanya berbuat demikian.

"Berkali-kali saya katakan, saya tiada rancangan untuk bertanding merebut jawatan itu kerana memadailah sebagai ahli biasa sebagaimana apa yang saya bincangkan dengan Presiden parti tidak lama dulu.

"Saya masih aktif sebagai ahli Umno dan meneruskan khidmat dengan cara yang ada sekarang, jadi soal sama ada saya wajar mengisi kerusi Timbalan Presiden Umno atau sebaliknya adalah terpulang pada parti.

"Sebagai ahli, saya akan membantu dengan apa cara sekalipun dan buat masa sekarang, saya tumpukan perhatian di Gua Musang," katanya.

Mengenai usaha memulihkan ekonomi negara, Tengku Razaleigh berkata beliau sedia memberi pandangan berhubung isu itu dan menjalankan tugas tanpa sebarang jawatan walaupun tanggungjawab sebenar terletak pada kerajaan.

(END)